

Pelarian Vietnam tidak akan diterima lagi

KUALA LUMPUR, Khamis — Malaysia akan tetap menesruskan dasar tidak menerima lagi kedatangan pelarian baru Vietnam, walaupun Amerika Syarikat akan menimbang semula untuk memberi bantuan ketenteraan kepada negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata dasar itu akan diteruskan kerana negara tidak sanggup menerima lagi pelarian Vietnam.

Katanya, pelarian baru Vietnam yang mendarat di negara ini akan tetap dihantar balik dan keluar ke negara lain.

"Bagi kita, dasar kita (mengenai pelarian Vietnam) akan diteruskan. Kita tidak sanggup menerima lagi pelarian Vietnam," katanya kepada pemberita selepas melancarkan penubuhan Majlis

Perdagangan Malaysia di sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan mengenai pentadbiran Presiden Bush meminta Kongres memperuntukkan semula AS\$1.1 juta (kira-kira \$3 juta) bantuan ketenteraan kepada Malaysia.

Malaysia tidak menerima bantuan ketenteraan dari Amerika tahun lalu, apabila Senator Mark Hatfield dari Oregon memperkenalkan langkah perundangan mengeluarkan Malaysia daripada program Latihan dan Pendidikan Ketenteraan Antarabangsa. Tindakan ini disebabkan dasar Malaysia tidak menerima lagi pelarian baru Vietnam.

Ditanya jika Amerika Syarikat membuat kesilapan ketika menarik balik bantuan itu, Perdana Menteri berkata: "Terpulanglah kepada mere-

ka untuk membuat tafsiran."

Ditanya jika Malaysia berpuas hati dengan pandangan Amerika sekarang, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau tidak terbabit dalam soal itu kerana yang beliau tahu, dasar negara terhadap pelarian baru Vietnam tidak berubah.

"Kalau (pelarian Vietnam) datang ke sini, kita akan lakukan amalan biasa yang dibuat di Amerika, iaitu sesiapa yang datang tanpa kebenaran akan dihantar balik dan keluar," katanya.

Beliau memberi contoh Amerika melarang orang Haiti mendarat di negara itu manakala orang Mexico dilarang menyeberangi sempadan Sungai Rio Grande.

"Kita berpendapat kalau Amerika boleh berbuat begitu, kita juga berhak berbuat demikian," katanya.